

SOALAN 1 – ANEKA PILIHAN

Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A, B, C** atau **D** di dalam petak yang disediakan.

1. Bersedekah adalah amalan yang baik di sisi agama Islam kerana menjadikan seseorang itu bersikap _____.

A. bakhil
B. kedekut
C. pemurah
D. sombong

2. Berikut adalah cara mematuhi peraturan di dalam bilik darjah kecuali _____.

A. memberi salam ketika guru masuk
B. membersihkan sampah-sarap
C. membuat bising dan bermain-main
D. meminta izin ketika hendak keluar

3. Pemimpin yang baik ialah orang yang bersikap _____ dan tidak pilih kasih.

A. adil
B. bengis
C. bohong
D. zalim

4. Antara tanggungjawab pelajar terhadap sekolah ialah _____.

A. melanggar peraturan sekolah
B. menjaga nama baik sekolah
C. menunjukkan akhlak yang buruk
D. merosakkan harta benda sekolah

5. Kita hendaklah saling _____ dengan jiran tetangga.

A. bermusuhan
B. caci-mencaci
C. hina-meghina
D. hormat-menghormati

6. Mengikut Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, sultan ialah _____.

- A. guru agama
- B. ketua negara
- C. peguam negara
- D. pegawai keselamatan

☐

7. Antara ciri-ciri rakan yang baik ialah _____.

- A. membantu ketika susah
- B. membocorkan rahsia
- C. mementingkan diri sendiri
- D. memungkiri janji

☐

8. Kamu terserempak dengan beberapa orang murid yang sedang merokok di belakang dewan sekolah. Apakah Tindakan yang perlu kamu lakukan?

- A. Ikut sama merokok.
- B. Melaporkan kepada guru disiplin.
- C. Menceritakan kepada rakan-rakan
- D. Merahsiakan perkara tersebut.

☐

9. Berjimat cermat bermaksud _____.

- A. berbelanja sesuka hati
- B. membeli barangan secara boros
- C. membeli barangan berjenama
- D. perbelanjaan secara teratur

☐

10. Salah satu lagu asli Brunei ialah _____.

- A. Bunga Rampai
- B. Bunga Seroja
- C. Samalindang
- D. Gulingtangan

☐

11. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hasanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah diputerakan pada _____.

- A. 1 Januari 1984
- B. 5 Oktober 1967
- C. 15 Julai 1946
- D. 23 September 1986

☐

12. _____ bermaksud mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara.

- A. Bersyukur
- B. Bertakwa
- C. Paramedik
- D. Patriotik

☐

13. Antara perkara yang mendorong seorang pelajar memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan adalah _____.

- A. kurang mengulang kaji di rumah
- B. membahagikan masa belajar dengan baik
- C. menonton televisyen hingga lewat malam
- D. sering tidak hadir ke sekolah

☐

14. Haikal hendak pergi ke majlis perkahwinan. Apakah pakaian yang sesuai untuk dipakainya?

- A. Baju Cara Melayu.
- B. Baju jubah.
- C. Baju kemeja.
- D. Baju sukan.

☐

15. Anak yang melawan ibu bapa adalah merupakan anak yang _____.

- A. baik
- B. derhaka
- C. dibanggakan
- D. terpuji

☐

16. Pelajar hendaklah _____ peraturan sekolah dengan tidak membuat perkara yang boleh mencemarkan nama baik sekolah.

- A. melanggar
- B. mematuhi
- C. membantah
- D. mengingkari

☐

17. Adab-adab yang sopan dalam keluarga ialah _____.

- A. meninggikan diri dan suka membantah cakap
- B. pembohong dan suka mengajak perbuatan jahat
- C. suka bergaduh dan saling bermusuhan
- D. merendahkan diri, ikhlas dan berbaik sangka

☐

18. barang yang dipinjam mestilah dijaga dengan baik agar tidak _____.

- A. bersih
- B. betul
- C. cantik
- D. rosak

☐

19. Perbuatan yang baik dilakukan dalam hidup berjiran adalah _____.

- A. bersama-sama menjaga kebersihan persekitaran
- B. bersikap sombong dan tidak bertegur sapa
- C. membuat bising dan suka bergaduh
- D. tidak ambil peduli terhadap semua hal

☐

20. Kita akan sentiasa dihormati oleh orang lain jika sentiasa _____.

- A. bercakap kasar
- B. bersopan santun
- C. suka berkelahi
- D. saling mengumpat

☐

SOALAN 2 – MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Sila tulis huruf **(B)** untuk pernyataan yang BETUL atau **(S)** untuk pernyataan yang SALAH.

BIL.	SOALAN	BETUL (B) atau SALAH (S)
1.	Bersalaman dengan ibu bapa ketika hendak pergi ke sekolah.	
2.	Warisan budaya hendaklah dijaga dan dipelihara supaya tidak pupus.	
3.	Kita boleh menghina dan memandang rendah kebolehan orang lain.	
4.	Kita tidak perlu menggunakan masa lapang untuk mengulang kaji pelajaran.	
5.	Segera memohon maaf apabila melakukan kesalahan.	
6.	Kawan yang baik selalau mengajak kita supaya melakukan sembahyang lima waktu.	
7.	Membaca doa sebelum belajar adalah amalan yang baik.	
8.	Sombong adalah sifat yang perlu diamalkan oleh setiap orang.	
9.	Merosakkan harta benda di sekolah adalah tingkah laku yang patut dipuji.	
10.	Membaca al-Quran amalan yang mendatangkan banyak pahala.	
11.	Kita hendaklah sentiasa mengelakkan perselisihan faham dan permusuhan.	
12.	Memakai pakaian ketat dan menjolok mata menunjukkan keperibadian yang baik.	
13.	Amalan ziarah-menziarahi dapat mengeratkan silaturahim.	
14.	Jangan membiasakan diri dengan sikap meminta upah apabila membuat sesuatu pekerjaan.	
15.	Sikap suka berbelanja secara berlebihan merupakan satu pembaziran.	

16.	Kita boleh memberitahu rahsia orang lain kepada sesiapa sahaja.	
17.	Sultan Brunei yang ke -28 ialah Sultan Muhammad Shah.	
18.	Kita perlu mengamalkan cara hidup sihat.	
19.	Amalan bersedekah menjadikan kita miskin.	
20.	Setiap murid boleh datang lewat ke sekolah.	

SOALAN 3 – MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

perintah	taat	nasihat
ponteng		baik

TANGGUNGJAWAB SEORANG ANAK

Seorang anak yang baik akan sentiasa menjaga nama _____ keluarga mereka. Hal ini merupakan tanggungjawab kita sebagai seorang anak yang _____ kepada ibu bapa.

Kita dilarang membuat perkara-perkara yang tidak diingini seperti merokok, bergaduh, mencuri dan _____ sekolah. Perkara tersebut boleh menyebabkan ibu bap akita berasa susah hati dan kecewa. Fikiran ibu bap akita juga akan terganggu sehingga kesihatan atau tugas harian mereka terjejas. Jangan mudah terpedaya dengan hasutan tidak baik daripada kawan-kawan. Kata dan _____ ibu bapa mesti didengar kerana mereka lebih tahu apa yang terbaik untuk masa depan kita. Jika kita tidak mengikut _____ dan nasihat mereka, kita dianggap anak derhaka.

SOALAN 4 – MEMILIH DAN MENYENARAikan NILAI-NILAI.

Baca pernyataan-pernyataan di bawah ini. Senaraikan ciri-ciri yang **baik** dan kelakuan yang **tidak baik** dalam jadual yang disediakan.

Bercakap-cakap ketika doa sekolah dibacakan.
Membantu keluarga ketika majlis kenduri berlangsung.
Taat setia kepada raja.
Bercakap kasar dengan rakan sebaya.
Kedekut memberi sedekah.
Mengucapkan terima kasih kepada guru.
Berebut-rebut semasa membeli makanan di kantin sekolah.
Memberi nasihat kepada rakan yang melanggar disiplin.
Suka menunjuk-nunjuk.
Bijak mengatur masa belajar.

KELAKUAN YANG BAIK	KELAKUAN YANG TIDAK BAIK

SOALAN 5 – PADANKAN AYAT

Padankan **NILAI-NILAI MURNI** di dalam **Petak A** yang sesuai dengan maksud yang terdapat dalam Petak B. Tuliskan huruf di ruang **JAWAPAN** yang disediakan di dalam **Petak A**.

PETAK A			PETAK B	
	Nilai-nilai murni	Jawapan	Maksud	
1.	Berdikari		A	Cara hidup sesuatu masyarakat.
2.	Prihatin		B	Tolong-menolong dan bekerja bersama-sama.
3.	Gigih		C	Tidak pilih kasih.
4.	Awar galat		D	Mengambil berat
5.	Tawakal		E	Perasaan belas kasihan atau bertimbang rasa.
6.	Gotong-royong		F	Tidak mengharapkan bantuan orang lain.
7.	Kebudayaan		G	Mengikut perintah.
8.	Adil		H	Rajin berusaha.
9.	Simpati		I	Berserah kepada Allah setelah berusaha.
10.	Taat		J	Segan silu.